

26/08/1997

PM mahu segerakan projek kereta api Trans-Asia

PETALING JAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Projek Laluan Kereta Api Trans-Asia, yang menjadi hasil mesyuarat Kerjasama Pembangunan Lembangan Mekong-Asean, menjadi realiti dalam tempoh yang singkat.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Perdana Menteri mahu satu daripada tiga laluan yang kini di peringkat kajian menjadi realiti dalam tempoh terdekat.

Ling yang memberi penerangan mengenai perkembangan terkini projek itu kepada Dr Mahathir minggu lalu berkata, tiga syarikat perunding KL Consultant, Zaaba Consultancy dan Perunding Fakulti Ekonomi (Bahagian Pengangkutan) Universiti Malaya (UM) sudah hampir menyiapkan kajian projek itu.

"Hasil kajian akan dikemukakan kepada pakar pembinaan laluan kereta api yang bersidang di Kuala Lumpur penghujung September ini," katanya selepas merasmikan Bengkel Kemudahan Perdagangan Pertubuhan Asean Bagi Persatuan Pengangkutan Kapal (AFFA), di sini hari ini.

Kajian dijalankan oleh syarikat perunding bagi Projek Laluan Kereta Api Trans-Asia membabitkan tiga bahagian utama iaitu ekonomi, kejuruteraan, latihan dan kursus bagi mencapai kemudahan perdagangan terbaik antara negara.

Projek laluan kereta api Trans-Asia mencadangkan tiga laluan iaitu:

- * Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Kemboja-Vietnam-Kunming;
- * Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Laos-Vietnam-Kunming dan
- * Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Myanmar-Kunming.

Selain tujuh negara Asean kecuali Indonesia dan Filipina, projek itu turut disertai China dan Kemboja.

Menurut Ling, mengikut pandangan peribadi beliau kemungkinan pembangunan laluan keretapi Trans-Asia itu membabitkan laluan Singapura, Kuala Lumpur, Bangkok, Laos, Vietnam, Kemboja dan Kunming di China.

Katanya, pada peringkat awal keseluruhan pelan induk rangkaian laluan kereta api itu membabitkan lebih banyak anggota Asean kerana ia bakal menjadi prasarana pengangkutan terpenting di rantau ini.

"Bagaimanapun, timbul beberapa masalah termasuk tempoh yang agak lama dalam mengenal pasti institusi kewangan yang akan membiayai projek itu dan ketidakstabilan keadaan politik di beberapa negara menyebabkan berlaku beberapa perubahan," katanya.

Justeru, katanya, cadangan Perdana Menteri yang tidak mahu melengahkan projek itu adalah amat penting kerana ia bakal menjadi penggerak kecemerlangan dalam bidang perdagangan.

(END)